

KENYATAAN MEDIA

19 FEBRUARI 2020

Untuk Edaran Segera

**SESI DIALOG YB DATO' SRI MUSTAPA MOHAMED
BERSAMA PENERIMA DANA MUDAHCARA**

19 Februari 2020, KUALA LUMPUR – YB Dato' Sri Mustapa Mohamed, Pengerusi Unit Peneraju Agenda Bumiputera (“TERAJU”), telah mengadakan sesi dialog bersama syarikat-syarikat yang menerima Dana Mudahcara TERAJU di zon tengah meliputi Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Putrajaya termasuklah Negeri Sembilan dan Negeri Melaka. Seramai 200 orang wakil daripada 97 syarikat penerima Dana Mudahcara ini telah hadir di sesi dialog yang diadakan di Pusat Konvensyen Sime Darby. Sesi dialog seterusnya akan diadakan di lima (5) Wilayah Pembangunan Ekonomi Koridor di seluruh Malaysia.

Dana Mudahcara TERAJU merupakan salah satu daripada program utama (“*flagship program*”) yang dilaksanakan oleh TERAJU sejak ditubuhkan pada tahun 2011. Program ini adalah sebagai pemangkin kepada pelaburan baharu dengan objektif seperti berikut:

- i. memberi sokongan dalam bentuk ‘*tipping point*’ kepada sektor swasta di kalangan syarikat-syarikat Bumiputera yang berkelayakan;
- ii. menggalakkan pelaburan sektor swasta bagi projek-projek yang dilaksanakan oleh syarikat Bumiputera agar kesan limpahan membantu pembangunan ekonomi Negara; dan
- iii. menyediakan keperluan pembiayaan tambahan kepada syarikat - syarikat Bumiputera.

Program ini merupakan kerjasama di antara TERAJU dan rakan strategik seperti Unit Kerjasama Awam Swasta (“UKAS”), Pihak Berkuasa Koridor di seluruh negara iaitu Iskandar Malaysia (“IRDA”), Wilayah Ekonomi Pantai Timur (“ECER”), Wilayah Ekonomi Koridor Utara (“NCER”), Koridor Pembangunan

Sabah (“SDC”) dan juga Kerajaan Negeri Sarawak melalui Kementerian Perdagangan Antarabangsa & Industri, Terminal Perindustrian dan Pembangunan Usahawan (“MINTRED”).

Kerajaan telah mewujudkan Dana Mudahcara berjumlah RM20 bilion di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) bagi Program Dana Mudahcara sebagai pemangkin pelaburan swasta dalam bidang strategik negara. Daripada peruntukan RM20 bilion tersebut, sebanyak RM5 bilion telah diluluskan kepada syarikat-syarikat Bumiputera yang melaksanakan projek-projek pembangunan berskala besar dengan kos projek melebihi RM50 juta. Manakala, pihak TERAJU pula telah diperuntukkan siling sebanyak RM2 bilion pada tahun 2011 untuk membantu syarikat-syarikat Bumiputera yang melaksanakan projek-projek baharu dengan kos projek bernilai di antara RM500 ribu sehingga RM50 juta. Secara ringkasnya, daripada peruntukan RM20 bilion Dana Mudahcara, 35% telah diperuntukkan untuk projek-projek yang dijalankan oleh syarikat Bumiputera.

Program ini menyediakan dana dalam bentuk geran kepada syarikat-syarikat Bumiputera yang berkelayakan sebagai “*tipping point*”. Pemberian dana bagi Program Dana Mudahcara berskala besar di UKAS adalah sehingga 10% secara pembayaran balik atau “*reimbursement basis*” untuk membiayai kos pembinaan infrastruktur. Manakala pemberian dana bagi Program Dana Mudahcara di TERAJU adalah sehingga 15% secara pembayaran balik daripada keseluruhan kos projek yang layak dipertimbangkan. Komponen projek yang dibiayai menggunakan dana ini adalah untuk pembinaan infrastruktur dan pembelian mesin serta kelengkapan.

Sejak Program Dana Mudahcara TERAJU ini diperkenalkan pada tahun 2011, RM1.76 bilion geran Dana Mudahcara TERAJU telah diluluskan kepada 474 buah syarikat Bumiputera untuk 550 buah projek dengan nilai pelaburan berjumlah RM14.79 bilion serta bakal mewujudkan hampir 50,000 peluang pekerjaan

Program ini telah berjaya meningkatkan pemilikan aset oleh syarikat-syarikat Bumiputera serta membantu menangani isu monopoli dalam rantaian bekalan

dengan memberi peluang syarikat bumiputera bersaing secara sihat dalam perniagaan dan keusahawanan. Program ini turut memberi sokongan terhadap pelaburan syarikat Bumiputera bagi pembangunan Tanah Rizab Melayu, Tanah Adat dan Tanah Wakaf.

Projek-projek Dana Mudahcara ini melibatkan pelbagai sektor dalam bidang ekonomi utama negara. Antara projek-projek berskala besar di bawah UKAS yang telah berjaya direalisasikan ialah melaksanakan pembangunan loji janakuasa solar berkapasiti 30MW di Bidor, Perak dengan nilai pelaburan sebanyak RM214 juta oleh syarikat Gading Kencana Development Sdn Bhd. Selain itu, pelaksanaan projek pembinaan sebuah hospital pakar wanita dan kanak-kanak di Seksyen 14, Shah Alam, Selangor bernilai RM195 juta oleh syarikat Avisena Women & Children Sdn Bhd. Seterusnya projek pembangunan 1 blok pangsapuri (187 Unit) 39 Tingkat di Kampung Baru, Kuala Lumpur bernilai RM120 juta oleh syarikat RAH Properties Corporation Sdn Bhd.

Di antara contoh-contoh projek Dana Mudahcara TERAJU pula ialah pelaksanaan projek pembangunan taman tema air di Kedah, Langkawi bernilai RM49 juta oleh syarikat Langkawi International Sdn Bhd. Seterusnya, pembelian lori dan peralatan logistik untuk pengembangan kapasiti perniagaan bernilai RM27 juta oleh syarikat Biforst Logistics Sdn Bhd. Pelaksanaan projek pembinaan bengkel dan pembelian jentera dan peralatan untuk industri minyak dan gas bernilai RM31 juta oleh syarikat Serba Dinamik Sdn Bhd.

Secara umumnya, pelaksanaan Program Dana Mudahcara TERAJU ini telah memberi impak yang memberangsangkan kepada syarikat - syarikat Bumiputera. Ini adalah antara dapatan kajian "*Impact Assessment*" Program Dana Mudahcara TERAJU yang telah dilaksanakan oleh pihak PriceWaterhouseCoopers ("PWC") pada 2019 ke atas 357 projek dengan nilai pelaburan sebanyak RM5.2 bil dimana geran sebanyak RM502 juta telah disalurkan.

Program ini juga telah berjaya memberikan kesan positif seperti berikut:

- i. Merealisasikan pelaburan baru yang memberi kesan limpahan ekonomi sebanyak RM10.4 bilion di mana setiap RM1 nilai Dana Mudacara yang

digunakan, ianya memberi nilai pengganda sebanyak 20 kali kepada Negara manakala 8 kali ganda nilai tambah (“value-added”) kepada syarikat penerima dana tersebut;

- ii. Menghasilkan nilai Keluaran Dalam Negara Kasar berjumlah RM4.2 bilion; dan
- iii. Mewujudkan 11,600 peluang pekerjaan baharu.

“Saya berpendapat program ini sewajarnya diteruskan. Sehubungan ini, TERAJU telah memohon untuk pertimbangan Kerajaan peruntukan Dana Mudahcara untuk tahun 2020 berjumlah RM400 juta. Jumlah ini sebenarnya adalah daripada baki peruntukkan RM2 bilion dibawah RMK10 yang masih belum disalurkan. Untuk RMK12, TERAJU telah mengemukakan permohonan sebanyak RM2 bilion bagi meneruskan program-program sedia ada dan baharu dalam memperkasa Agenda Bumiputera,” kata YB Dato’ Sri Mustapa Mohamed, Pengerusi TERAJU.

- TAMAT -

MENGENAI TERAJU

TERAJU, Unit Peneraju Agenda Bumiputera, Agenda Bumiputera ditubuhkan pada tahun 2011 oleh Jabatan Perdana Menteri sebagai unit strategik yang berperanan untuk meneraju, memacu dan menyelaraskan penyertaan Bumiputera dalam ekonomi negara.

Kini, TERAJU merupakan agensi di bawah Kementerian Hal Ehwal Ekonomi dipacu berdasarkan lima teras di bawah Hala Tuju Transformasi Ekonomi Bumiputera 2.0 (BETR 2.0) – iaitu, memperkukuhkan modal insan, menggalakkan pekerjaan dan pendapatan bernilai tinggi, meningkatkan saham Bumiputera dan nilai ekuiti korporat, memperkukuh keusahawanan, serta meningkatkan pemilikan aset bukan kewangan.

Selain daripada sudut ekonomi, TERAJU juga berperanan dalam aspek kesejahteraan hidup seperti pendidikan, kesihatan, sosial dan budaya, hidup dalam persekitaran yang selesa dan dinamik, serta mengangkat martabat Bumiputera ke tahap yang lebih tinggi dengan penerapan aspek sosial melalui Transformasi Kesejahteraan Bumiputera (TKB).

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:
Unit Komunikasi Korporat
Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU)
Aras 5, Menara Surian, No. 1, Jalan PJU7/3
Mutiara Damansara, 47810 Selangor Darul Ehsan
T: +603 7839 8000 | F: +603 7839 100 | M: 019 966 2717
E: siti.zubaidah@teraju.gov.my | W: www.teraju.gov.my